

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

6

Nasional

Selasa, 11 Jun 2024

Raja Muda Selangor rasmi pelancaran projek Hospital Pakar Siraj Putra

Putrajaya: Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan pelancaran projek Hospital Pakar Siraj Putra yang dijangka siap dibina dan beroperasi menjelang Julai 2027 di Putra Medical City, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang. Hospital Pakar Siraj Putra de-

ngan keluasan 2.08 hektar akan menempatkan kira-kira 300 katil membabitkan kos pembinaan RM400 juta.

Hospital pakar ini apabila siap dan beroperasi, akan memberi khidmat meliputi penduduk sekitar Serdang Lama, Seri Kembangan, Putrajaya, Sepang, Kajang dan Seremban.



Tengku Amir Shah diiringi Pengerusi Sirage Medco Sdn Bhd, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail (tiga dari kanan) melihat model hospital selepas majlis pelancaran projek Hospital Pakar Siraj Putra di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

Vaksin percuma untuk warga emas elak risiko maut akibat influenza

Prof Dr Zamberi Sekawi,
Pengerusi, Kumpulan
Kerja Influenza Malaysia
(MIWG)

Pengumuman Kementerian Kesihatan mengenai perancangan menyediakan vaksinasi influenza tahunan percuma untuk warga emas di bawah Program Imunisasi Kebangsaan, bermula 2025, amat dialu-alukan.

Tindakan ini diambil hampir setahun selepas Kumpulan Kerja Influenza Malaysia (MIWG), bersama rakan kongsi seperti Persatuan Perubatan Geriatrik Malaysia (MSGM), Akademi Pakar Perubatan Keluarga Malaysia dan lebih 30 organisasi lain, mengemukakan petisyen untuk meminta kerajaan membiayai vaksinasi influenza tahunan bagi warga emas iaitu kumpulan rentan terhadap komplikasi berkaitan influenza.

Berbanding orang dewasa lain, warga emas yang berhadapan dengan influenza tidak menunjukkan gejala biasa, sebaliknya akan berhadapan isu penurunan kesihatan keseluruhan, serangan jantung atau strok dan sebagainya.

Influenza jauh lebih serius daripada demam atau selesema biasa. Bagi warga emas ia boleh membawa maut. Hanya satu jangkitan sudah cukup untuk meningkatkan risiko serangan jantung sebanyak 10 kali ganda. Ia turut meningkatkan risiko strok (disebabkan oleh pembekuan darah) sebanyak lapan kali ganda.

Warga emas juga lebih cenderung mengalami komplikasi seperti pneumonia, keradangan jantung dan sepsis yang berpotensi membawa maut.

Ketika ini warga emas yang berusia 65 tahun ke atas merangkumi sehingga 70 peratus daripada kemasukan ke hospital dan 85 peratus daripada punca kematian dikaitkan dengan influenza. Risiko kematian berkaitan influenza didapati meningkat dengan kehadiran lebih daripada satu penyakit tidak berjangkit (NCD), iaitu masalah kesihatan yang biasa dalam kalangan warga emas.

Risiko kematian berkaitan influenza mening-

kat sebanyak 20 kali ganda bagi mereka yang mempunyai penyakit jantung dan paru-paru. Selain itu, jangkitan influenza boleh memburukkan atau merumitkan gejala NCD seperti masalah kencing manis, menyebabkan tahap glukosa seseorang tidak seimbang.

Ambil tindakan proaktif lebih awal

Walaupun kita sangat mengalu-alukan inisiatif ini, rakyat Malaysia perlu mengambil tindakan proaktif lebih awal bagi melindungi diri juga ahli keluarga daripada influenza. Apatah lagi virus influenza mudah tersebar sepanjang tahun di iklim tropika seperti di negara kita.

Walaupun Asia Tenggara berada di kedudukan ketiga tertinggi dalam angka kematian berkaitan influenza, namun hanya dua hingga tiga peratus rakyat Malaysia yang divaksinasi.

Sedangkan, vaksin influenza sudah wujud sejak 1945, iaitu hampir 80 tahun dan terdapat banyak kajian yang membuktikan vaksin ini

selamat, selain diterima di seluruh dunia.

Namun, kajian baru-baru ini yang membabitkan kira-kira 600 responden berusia 65 tahun ke atas menunjukkan bahawa lebih banyak pendedahan diperlukan bagi menghilangkan kebimbangan dan tanggapan umum yang salah. Sebagai contoh, 52 peratus berasakan influenza hanya perlu dibimbang jika berada dalam iklim sejuk, manakala 64 peratus bimbang dengan kesan sampingan.


Selain itu, 69 peratus yakin bahawa mereka sudah dilindungi daripada influenza melalui vaksin COVID-19. Justeru, dengan pemikiran sedemikian, tidak menghairankan vaksinasi influenza menduduki tempat kelapan dalam amalan penjagaan diri.

Malaysia kini sedang menuju menjadi antara negara menua menjelang 2030. Ia berdasarkan 15.3 peratus daripada populasi berusia 60 tahun ke atas, oleh itu beban influenza terhadap warga emas adalah satu isu kesihatan awam yang tidak boleh diabaikan lagi.

Bagi mewujudkan asas kepada program vaksinasi yang berjaya dan diterima luas, lebih banyak kempen pendidikan intensif diperlukan. Ia perlu direka secara strategik untuk menangani tanggapan salah sekaligus mengurangkan kebimbangan.

Pada masa sama, kita mesti mengakui bahawa kesedaran awam adalah penting di semua peringkat, membabitkan pihak berkepentingan kerajaan dan bukan kerajaan, pakar kesihatan juga komuniti, bagi mengubah persepsi serta menggalakkan tindakan segera.

Sebagai sebahagian insan di barisan hadapan yang menyaksikan sendiri kesan risiko tinggi dan komplikasi influenza dalam kalangan warga emas, saya menyeru seluruh komuniti profesional kesihatan untuk terus menyokong dan memainkan peranan aktif untuk mendidik serta menggalakkan vaksinasi influenza tahunan.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : WANITA & KELUARGA

AI permudah tugas harian jururawat

Kemerosotan awal kesihatan pesakit mudah dikesan, langkah intervensi memudahkan proses pemulihan

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodal
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lanskap penjagaan kesihatan yang berkembang pesat, termasuk dengan kemunculan teknologi terkini seperti peralatan bantuan kecerdasan buatan (AI) mampu membantu tugas jururawat memantau pesakit.

Memandangkan jururawat mengendalikan pelbagai tugas setiap hari, AI boleh membantu dalam mengesan keme-

rosotan awal kesihatan pesakit untuk mengambil langkah intervensi.

Jururawat Kanan Pusat Perubatan Sunway, Bandar Sunway, Tee May Fung yang ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU), mengakui beliau mengalami fasa peralihan daripada membuat laporan dan pemantauan jururawat secara konvensional kepada mengintegrasikan peranti pintar terkini.

Beliau pada awalnya ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) perlu melakukan pengumpulan data secara manual dan berkomputer, pada masa sama, terhadap setiap pesakit.

Katanya, keadaan berbeza mengikut keselesaan doktor pakar yang ada di ICU. Saya ditugaskan untuk menjaga pesakit, mengurus keperluan mereka, menjalankan fisioterapi dan juga menyediakan ubatan tepat.

"Saya juga perlu memantau kesihatan pesakit. Tugas jururawat perlu memberi perhatian



May Fung dapat menyeimbangkan tugas merekod data pesakit dan menjagannya dengan lebih cekap menerusi penggunaan teknologi AI.

sepenuhnya kepada pesakit bagi membantu mereka untuk merasa seolah-olah berada di rumah sepanjang proses pemulihannya.

"Sebelum ini, kita perlu menyeimbangkan tugas untuk merekod data pesakit dan menjaga pesakit.

"Seiring peredaran masa dengan penyesuaian kepada perkembangan teknologi baharu, saya dapat meluangkan lebih banyak masa bersama pesakit dan memberikan penjagaan yang sewajarnya," katanya yang sudah diberi latihan menggunakannya.

"Dengan penggunaan AI yang kini diintegrasikan dapat melengkapkan tugas harian kita dengan lebih baik," ulasnya yang sudah berkhidmat di sini

sejak 2011.

Pengarah Nursing New Venture, Kumpulan Penjagaan Kesihatan Sunway, Serene Lum Fuai Sian, berkata kaedah penggunaan AI oleh jururawat di hospital itu dapat mengintegrasikan kemajuan teknologi terbaru dalam tugas seharian.

Kesan gerakan pesakit

Katanya, pemasangan peranti pengesan gerakan pesakit tanpa sentuhan memudahkan tugas jururawat.

Penggunaan pelbagai peranti berteknologi tinggi dan dilengkapi dengan ciri AI di hospital mudah mengesan gerakan pesakit yang digunakan oleh jururawat.

"Peranti dengan bantuan AI

itu diletakkan di bawah tilam untuk mengesan sebarang pergerakan badan, aktiviti pernafasan, kadar degupan jantung dan sebagainya bagi membantu jururawat mengawal serta mengurangkan insiden pesakit jatuh dari katil di hospital.

"Dalam tempoh dua tahun pertama pelaksanaan, kami tidak merekodkan sebarang kes jatuh dari katil berisiko sederhana atau tinggi.

"Dengan bantuan peranti itu, jururawat mampu menjadi lebih peka dengan keadaan pergerakan pesakit, terutama yang ditempatkan di bilik perseorangan," katanya juga ia membantu apabila berhadapan dengan situasi yang sukar supaya dapat merawat pesakit dengan segera.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : BISNES

Avisena Specialist Hospital sedia 400 lagi peluang kerja

Pusat perubatan komited sedia penjagaan kesihatan berkualiti tinggi

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer
bhbiz@bh.com.my

Avisena Specialist Hospital akan mempunyai sebanyak 405 katil pesakit, sekali gus menjadikannya hospital terbesar di daerah Shah Alam dengan tambahan 400 peluang pekerjaan baharu menjelang 2027.

Majlis pecah tanah untuk penambahan kemudahan hospital itu semalam menandakan komitmen Avisena Healthcare untuk menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi dan memenuhi keperluan peningkatan bilangan penduduk di Lembah Klang.

Bangunan 11 tingkat dihubungkan dengan bangunan sedia ada melalui jambatan tertutup dua tingkat yang dijangka siap dan beroperasi tiga tahun lagi itu bakal menyediakan 275 katil, 35 sub-kepakaran, lebih daripada 80 suite pakar, 10 dewan pembedahan, termasuk satu dewan pembedahan hibrid serta perkhidmatan onkologi komprehensif.

Usaha pembangunan itu bermatlamat untuk meningkatkan keupayaannya dalam menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi kepada golongan pesakit yang lebih luas, selaras dengan inisiatif kerjasama awam-swasta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata



AVISENA

Dr Dzulkefly bersama Elina Nadia, Pengerusi Avisena Healthcare, Tan Sri Abdul Aziz Yusof (dua dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Avisena Specialist Hospital Shah Alam, Dr Razman Abdul Karim (kiri) pada majlis pecah tanah Avisena Specialist Hospital di Shah Alam, semalam.

(Foto Genes Gulitah/BH)

usaha Avisena Specialist Hospital merupakan inisiatif yang sejajar dengan objektif penjagaan kesihatan negara.

"Inisiatif Avisena Healthcare dalam menaik taraf kapasiti katil dan perkhidmatan khusus, dijangka memberikan sumbangan penting kepada matlamat negara untuk meningkatkan akses dan kualiti penjagaan kesihatan bagi semua rakyat Malaysia.

"Projek ini adalah contoh jelas kerjasama berkesan antara sektor awam dan swasta dalam memajukan infrastruktur penjagaan kesihatan, contohnya kebolehcapaian rawatan untuk pesakit kanser dan perkhidmatan sokongan paliatif," katanya pada majlis pecah tanah Avisena Specialist Hospital di Shah Alam, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Avisena Healthcare, Elina Nadia Omar, berkata pembinaan

bangunan tambahan hospital ini adalah langkah penting dalam perjalanan syarikat untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi dan selesa kepada pelanggan.

Peluang jalani latihan

"Kami komited untuk menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi, yang mana kemudahan baharu ini dapat merapatkan jurang antara pesakit dan penyedia penjagaan kesihatan.

"Kami yakin Avisena Specialist Hospital bukan sahaja membuka peluang pekerjaan dalam industri kesihatan, tetapi turut memberi ruang dan peluang kepada pelajar peringkat diploma dan ijazah untuk menjalani latihan amali di sini," katanya.

Beliau berkata, antara kemudahan yang ditawarkan di dalam bangunan baharu itu kelak ialah

perkhidmatan onkologi atau rawatan kanser, dengan kemudahan jagaan harian, kemoterapi dan radioterapi.

"Dengan pengenalan kemudahan kemoterapi dan radioterapi yang terkini, kami bersedia untuk menangani peningkatan permintaan penjagaan kanser yang meliputi sokongan terhadap penyelidikan berterusan untuk memperoleh rawatan yang lebih berkualiti," katanya.

Avisena Healthcare juga berfungsi sebagai hab untuk pelancongan perubatan dengan kerjasama antara Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) dan agensi kerajaan, bermatlamat untuk menarik kehadiran pesakit antarabangsa, seterusnya meletakkan Avisena Healthcare sebagai hospital swasta utama dalam pasaran penjagaan kesihatan global.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Langkah penting vaksinasi influenza untuk warga emas

SAYA menyokong pengumuman terbaharu Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dalam perancangan untuk menyediakan vaksinasi influenza tahunan percuma untuk warga emas di bawah Program Imunisasi Kebangsaan bermula 2025.

Tindakan ini diambil hampir setahun selepas Kumpulan Kerja Influenza Malaysia (MIWG) bersama organisasi rakan kongsi seperti Persatuan Perubatan Geriatrik Malaysia (MSGM), Akademi Pakar Perubatan Keluarga Malaysia dan lebih 30 organisasi lain mengemukakan petisyen untuk meminta kerajaan membiayai vaksinasi influenza tahunan bagi warga emas yang merupakan kumpulan rentan terhadap komplikasi berkaitan influenza.

Ini merupakan sesuatu yang amat penting kerana warga emas sering kali mengalami penurunan imuniti seiring usia mereka.

Bukan seperti orang dewasa lain yang sihat, mereka tidak menunjukkan gejala biasa apabila dijangkiti influenza sebaliknya mereka mungkin akan alami gejala lain seperti penurunan kesihatan keseluruhan, serangan jantung atau strok dan sebagainya.

Bagi mereka yang masih belum sedar, influenza jauh lebih serius daripada demam biasa, ia bukan sekadar 'selesema biasa'. Malah, ia boleh membawa maut.

Walaupun semua orang, termasuk golongan muda dan sihat berisiko dijangkiti influenza, ia sering memberi kesan yang lebih serius kepada warga emas.

Hanya satu jangkitan sahaja sudah cukup untuk meningkatkan risiko serangan jantung sebanyak 10 kali ganda dan strok (disebabkan oleh pembekuan darah) sebanyak lapan kali ganda.

Warga emas juga lebih cenderung mengalami komplikasi seperti pneumonia, keradangan

jantung dan sepsis. Ini memerlukan rawatan di hospital dan boleh membawa maut.

Malah, warga emas berumur 65 tahun ke atas merangkumi sehingga 70 peratus daripada kemasukan ke hospital dan 85 peratus daripada kematian yang berkaitan dengan influenza.

Tambahan pula, risiko kematian berkaitan influenza didapati meningkat dengan kehadiran lebih daripada satu penyakit tidak berjangkit (NCD).

Risiko kematian berkaitan influenza meningkat 20 kali ganda bagi mereka yang mempunyai penyakit jantung dan paru-paru, lima kali ganda bagi mereka yang mempunyai penyakit jantung dan tiga kali ganda bagi mereka yang mempunyai kencing manis.

Selain itu, jangkitan influenza boleh memburukkan atau memuritkan gejala NCD seperti memburukkan simptom kencing manis, menyebabkan tahap glu-



Pengambilan vaksin influenza dalam kalangan warga emas mampu mencegah daripada dijangkiti jangkitan tersebut. - Gambar hiasan

kosa seseorang tidak seimbang.

Menyedari risiko-risiko ini, negara-negara lain termasuk Thailand, Laos, Filipina dan Singapura, telah pun mula menawarkan vaksin influenza percuma kepada warga emas mereka.

Walaupun kita sangat mengalu-alukan inisiatif ini di negara kita sendiri, saya menggesa rakyat Malaysia untuk mengambil tindakan proaktif lebih awal bagi melindungi diri mereka dan orang

tersayang daripada influenza, kerana virus influenza mudah tersebar sepanjang tahun di iklim tropika seperti di negara kita.

Walaupun Asia Tenggara ketiga tertinggi dalam angka kematian influenza, namun hanya dua hingga tiga peratus rakyat Malaysia divaksinasi influenza.

- Pengerusi Kumpulan Kerja Influenza Malaysia (MIWG), Profesor Dr Zamberi Sekawi

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : HEALTH



ERADICATE DENGUE... Deputy Health Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni (fourth from left) and Asia Dengue Voice & Action chairman Prof Datuk Dr Zulkifli Ismail (fifth from left) at the 7th Asia Dengue Summit 2024 in Kuala Lumpur last week. To address the threat of dengue, over 500 leading dengue experts from 20 countries, including clinicians, academia, researchers, public health leaders and policymakers gathered at the summit to exchange ideas, updates and achievements on dengue prevention and control.